



Munawarah yang juga OKU penglihatan hadir bersama anaknya pada PBAKL2023 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur. (Foto Aziah Azmee/BH)

## Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

# Catat lebih sejuta pengunjung

(3 JUN 2023) BH, P16

**PBAKL2023 jangka catat peningkatan susulan sambutan menggalakkan**

Oleh Saadiah Ismail

saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 1,067,262 pengunjung dicatat membanjiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 (PBAKL2023) setakat kelmarin dan dijangka terus meningkat menjelang berakhir minggu ini.

Pengerusi Pengelola PBAKL2023, Mohd Khair Ngadiron, berkata pihaknya menjangkakan peningkatan susulan sambutan kehadiran pengunjung setiap hari amat memberangsangkan.

Katanya, PBAKL sebelum ini menerima kira-kira 1.2 juta pengunjung.

"Ini membuktikan orang ramai ingin mendapatkan buku dan menemui penulis kegemaran mereka.

"Sekiranya tahun lalu pengunjung mencah angka lebih sejuta dan tahun ini juga sama, ia menunjukkan pengunjung bukanlah sekadar 'membalas dendam' selepas tidak dapat keluar ketika pandemik lalu," katanya ketika ditemui BH, semalam.

Tinjauan BH di PBAKL2023 semalam mendapati orang ramai memenuhi Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) sejak awal pagi.

Pengunjung orang kurang upaya (OKU) buta, Munawwarah Ayob, 36, bersama dua anaknya tidak melepaskan peluang mengunjungi PBAKL2023.

### Peluang beli pelbagai buku

"Ini kali pertama saya ke sini dengan dibantu dua anak yang memimpin saya.

"Saya gembira kerana dapat memberi pe-



Nur Fatiha bersama karyanya di PBAKL2023.

luang kepada anak membeli buku pilihan mereka dan ingin menerapkan amalan budaya membaca dalam jiwa mereka," katanya.

Anaknya, Haris Fayyad Mohd Firdaus, 12, berpuas hati dengan kemudahan dan keprihatinan setiap pengunjung terhadap mereka.

"Orang ramai memberi laluan kepada kami sekeluarga dan saya gembira kerana dapat membeli buku di sini," katanya.

Penulis, Nur Fatiha Yazed, 40, sukar menyembunyikan kegembiraan terbahit secara langsung buat kali pertama dalam PBAKL2023.

"Memang sudah lama saya bercita-cita hadir ke sini, namun disebabkan kekangan dan beberapa masalah lain, saya terpaksa menunggu.

"Walaupun saya adalah penulis dan terbitkan sendiri karya, saya gembira kerana novel yang dihasilkan mendapat sambutan, baik fizikal mahu pun dalam talian.

"Sekurang-kurangnya ia membuka mata pembaca mengenai kewujudan karya saya," katanya.

PBAKL2023 ke 40 ini berlangsung sejak 26 Mei dan berakhir esok.